

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: PTPK/12/A/PPJ/2024/26 (LELONGAN PERTAMA)

Di antara

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Pemegang Gadaian

Dan

MD. RADZI B. ABDULLAH
Penggadai

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kinta yang diperbuat pada 13 Februari 2025 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kinta

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 26/06/2025 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	PM 00032576
No. Lot/PT	Lot 199405
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Hulu Kinta
Keluasan Tanah	504 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	99
Cukai Tanah	RM111
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak, digadai atau dibebankan tanpa kebenaran Menteri Besar Perak.
BUTIR-BUTIR	Tidak
Kawasan Rizab	MD. RADZI B. ABDULLAH
Nama Penggadai	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN
Bebanan	PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 12SC58/1991. Didaftarkan pada 16 Januari 1991

BUTIR-
KAWA
Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO. 204, JALAN
KELEBANG SELATAN 2/12, RPT KLEBANG
SELATAN, 31200 CHEMOR, PERAK

HARGA RIZAB: RM 365,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Enam Puluh Lima Ribu
Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 36,500.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Enam Ribu Lima Ratus Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul diatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **24 Oktober 2025** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



[Handwritten signature]

Bertarikh pada 14 Februari, 2025

**Pentadbir Tanah
Daerah Kinta
Negeri Perak Darul Ridzuan**